

Talking Point
Prof. Dato' Dr Musa Ahmad
Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

Sempena
MAJLIS TADARUS AL-QURAN USIM 2016

Kompleks Al-Abrar, Kolej Permata Insan
4.30 Petang
15 Jun 2016M (Rabu)

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirrahmanirrahim (Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang) Serta Selawat dan Salam Atas Junjungan Rasulullah S.A.W

Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam Integrasi Naqli dan Aqli

[Salutasi]

Yang Mulia Raja Datin Seri Salbiah Bt Tunku Nujumuddin
Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Isteri-Isteri Wakil Rakyat Dan Pegawai-Pegawai Kanan Negeri Sembilan (PEKERTI)

Y.Bhg Datin Hjh Paezah Ismail
Timbalan Yang Dipertua Pekerti

Timbalan-Timbalan Naib Canselor Usim

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Wakil-Wakil Daripada Pekerti

Peserta-Peserta Tadarus

Hadirin Dan Hadirat

- A) Ucapan Terima Kasih atas kehadiran YM Raja Datin Seri serta rombongan daripada PEKERTI & ucapan penghargaan kepada Pusat Islam selaku penganjur bagi program petang ini.
- B) Mesej yang hendak disampaikan:
- i. Hubungan baik USIM dengan kerajaan Negeri Sembilan sememangnya tidak boleh disangkal lagi dengan beberapa program yang dibuat bersama.
 - ii. Tambahan, YAB Menteri Besar Negeri Sembilan juga merupakan Menteri Mentor kepada USIM.
 - iii. Usaha memartabatkan Al-Quran di Negeri Sembilan melalui Program Tadarus dan Khatam al-Quran Perdana 2016 amatlah murni dan perlu dipuji.
 - iv. Saya difahamkan bahawa penyertaan tahun lepas mencecah 23,000 orang disekitar Negeri Sembilan dan dijangkaan penyertaan pada tahun ini akan bertambah.
 - v. Program tahun ini adalah merupakan penganjuran kali ke-2 di mana USIM mendapat 1000 naskhah Al-Quran sumbangan daripada PEKERTI dan Negeri Sembilan Woman Organization (NSWO). Terima kasih!!
 - vi. Uniknya program tadarus ini adalah acara khatam Al-Quran yang akan diadakan secara serentak pada 22 Jun 2016 sempena Hari Nuzul Al-Quran dan akan dipertontonkan secara *live* melalui *online*.
 - vii. USIM juga akan turut serta menjayakan Program Tadarus Dan Khatam Perdana 2016 dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Berbuka Puasa Perdana USIM pada 22 Jun 2016.

C) Dalil Membantu Muslim

- i. ***“Rasulullah SAW adalah seorang yang paling dermawan, dan sifat dermawannya itu lebih menonjol pada bulan Ramadhan yakni ketika ditemui Jibril. Biasanya Jibril menemuinya pada setiap malam bulan***

Ramadhan, dibawanya mempelajari al-Quran. Maka Rasulullah SAW lebih murah hati melakukan kebaikan dari angin yang bertiup.” (HR Bukhari)

- ii. Hadis di atas menunjukkan bahawa ketika bulan Ramadhan, Rasulullah SAW bertadarus (mempelajari al-Quran) dengan Jibril pada setiap malam Ramadhan. Amalan membaca Al-Quran amatlah digalakkan pada bulan Ramadhan memandangkan bulan Ramadhan juga merupakan bulan turunnya Al-Quran di bumi.
- iii. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud:

“Bulan Ramadhan yang di dalamnya di turunkannya Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan keterangan-keterangan yang nyata yang menunjuk kepada kebenaran yang membezakan antara yang haq dan yang bathil”

- iv. Para ulama apabila tibanya bulan Ramadhan akan memberhentikan kuliah yang diajar mereka dan menumpukan kepada mempelajari Al-Quran.
- v. Perbanyakkan juga amalan-amalan sunat di bulan ramadhan seperti solat terawih, solat tahajjud, sahur dan lain-lain kerana setiap amalan sunat yang dilakukan pada bulan ramadhan mendapat berlipat-lipat kali ganda pahala daripada Allah SWT.

D) Harapan dan Hasrat

- i. Semoga program yang baik ini akan diadakan setiap tahun bagi memartabatkan Al-Quran di samping merapatkan silaturahim di antara USIM dengan kerajaan Negeri Sembilan.

- ii. Mohon maaf jika kehadiran dan penyertaan hari ini kurang memuaskan memandangkan pelajar sedang di dalam fasa peperiksaan akhir semester.
- E) Ucapan terima kasih sekali lagi kepada kehadiran YM Raja Datin Seri, PEKERTI, Pusat Islam serta peserta-peserta tadarus yang telah menjayakan majlis pada hari ini.